

15 APR 2002

Mahathir-Bandar

PERTUMBUHAN BANDAR-BANDAR PERLU DIKAWAL, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 15 April (Bernama) -- Pertumbuhan bandar-bandar di negara ini perlu dikawal supaya ia tidak menjadi sesak, kotor dan tidak tersusun kerana terlalu padat dengan penduduk, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata pembangunan yang diadakan hendaklah teratur dan tertib, dibekalkan dengan kemudahan asas seperti elektrik dan air, jalan, lampu, pembahagian kawasan untuk aktiviti tertentu, tempat pelupusan sampah dan najis serta bermacam-macam lagi kemudahan.

"Kita tahu apabila sesuatu kawasan sudah menjadi sesak, kotor dan tidak tersusun, tidak semestinya kawasan setingan, membersihkan dan memperbaikinya serta memulihkan keadaan amatlah rumit dan melibatkan kos yang amat tinggi," katanya semasa merasmikan satu seminar mengenai pengurusan dan pentadbiran bandar di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata jika wujud kawasan yang sesak, kotor dan tidak tersusun, penduduk akan terganggu dan ini tidak akan disukai oleh sesiapa pun dan mungkin ada di kalangan penduduk yang akan menentang dan bertindak ganas kerana keadaan ini.

Oleh kerana ini, kawalan ketat perlu diadakan sebelum pembangunan sesuatu kawasan itu dilaksanakan, katanya.

"Pihak berkuasa tempatan bertanggungjawab untuk menentukan pembangunan bandar baru, pemulihan kawasan dan bandar lama diurus dengan baik. Kepentingan penduduk bandar perlu diambilkira sementara penduduk pula perlu bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan," kata Perdana Menteri.

Mengenai perbelanjaan untuk menyediakan kemudahan bagi penduduk bandar, beliau berkata kerajaan membelanjakan duit yang begitu banyak untuk tujuan itu.

"Tetapi hanya dengan cukai yang dipungut oleh kerajaan tidak mencukupi untuk membiayai kemudahan yang canggih yang terdapat di negara kita," jelas beliau.

Dr Mahathir berkata oleh sebab itu kerajaan terpaksa mengutip cukai dan lain-lain bayaran daripada rakyat, seperti tol, untuk membiayai separuh daripada kos pembangunan kemudahan awam.

"Pendapat bahawa tol dan bayaran-bayaran lain untuk kemudahan tidak perlu dikutip atau dikurangkan, akan menyebabkan kemudahan ini tidak dapat dibina atau perbelanjaan pengurusan kerajaan yang lain dikurangkan atau cukai-cukai terpaksa dinaikkan," katanya.

Beliau menegaskan bahawa rakyat tidak lagi boleh mendapatkan sesuatu dengan percuma dan perlu membayar sama ada secara langsung atau tidak langsung untuk meningkatkan taraf hidup mereka.

Katanya terdapat badan-badan tertentu yang "pakar" dalam bidang menegur kenapa keadaan sekeliling tidak baik tetapi dalam masa yang sama menolak sebarang kenaikan untuk apa sahaja.

"Apabila mereka ditawarkan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan ini dengan mengenakan bayaran seperti yang disyorkan oleh mereka, tidak pula mereka sanggup berbuat demikian. Mereka bersikap sebagai "free loaders" yang berharap orang lain akan berbelanja supaya mereka dapat nikmat(nya). Ini tidak mungkin," katanya.

Dr Mahathir berkata penduduk bandar perlu menerima hakikat bahawa kos hidup di bandar tetap lebih tinggi dari luar bandar dan sebahagian daripada kos ini mestilah ditanggung oleh mereka.

Bercakap mengenai inflasi, Perdana Menteri berkata inflasi hanya

berlaku apabila barang dan khidmat tetap sama tetapi kos atau bayarannya naik.

"Tetapi apabila kita dapat kemudahan yang lebih baik atau yang dahulu tidak ada tetapi diadakan sekarang dengan kos yang tinggi, dan dengan itu kita dikenakan bayaran yang meningkat, ini bukan inflasi," katanya.

Dr Mahathir juga berkata pendapatan per kapita rakyat Malaysia telah meningkat dari hanya US\$300 pada tahun 1957 kepada kira-kira US\$4,000 hari ini.

Ini, katanya, bermakna rakyat mampu menanggung pembiayaan kos sara hidup yang lebih tinggi apabila dibekal dengan barangan dan khidmat yang lebih baik.

"Ini bukan inflasi kerana yang kita bayar lebih ialah untuk yang lebih baik. Inflasi hanya berlaku apabila kita terpaksa membayar lebih untuk barangan dan khidmat yang sama. Justeru itu kita semua perlu sanggup menanggung kos sara hidup yang lebih tinggi untuk taraf hidup yang lebih baik," katanya.

-- BERNAMA

SR AHH RON